

FATWA LARANGAN FAHAMAN HIZBUT TAHRIR DI NEGERI MELAKA

Diwartakan dibawah Seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002



Panduan ringkas kepada umat Islam mengenai larangan fahaman Hizbut Tahrir dan implikasi undang-undang di Negeri Melaka.

APAKAH IA?

Fatwa ini telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka di bawah Seksyen 35 dan diwartakan menurut Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.



Fatwa ini menyatakan bahawa:

Fahaman, ajaran atau doktrin Hizbut Tahrir adalah **bercanggah dan menyeleweng** daripada ajaran Islam sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

LARANGAN TERHADAP UMAT ISLAM

Mana-mana orang Islam dilarang dan diharamkan untuk :



1

Menjadi ahli atau pengikut Hizbut Tahrir

2

Menghadiri majlis, perhimpunan atau aktiviti berkaitan

3

Mengisytiharkan diri sebagai ahli atau pengikut

4

Menjalankan aktiviti berkaitan melalui organisasi, syarikat atau persatuan

5

Menghidupkan semula fahaman tersebut melalui apa-apa rangkaian

6

Mengajar, mempromosi atau menganjurkan aktiviti berkaitan

01

FATWA LARANGAN FAHAMAN HIZBUT TAHRIR DI NEGERI MELAKA

Diwartakan dibawah Seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002

LARANGAN TERHADAP BAHAN DAN TERBITAN



Dilarang sama sekali untuk:

- ✗ Memiliki
- ✗ Menyimpan
- ✗ Mencetak
- ✗ Menjual
- ✗ Mengedar

Apa-apa BAHAN seperti:

Buku

Filem

Majalah

Risalah

Rakaman Audio/Video

Simbol atau lambang berkaitan Hizbut Tahrir

Termasuk juga penyebaran melalui media elektronik dan rangkaian digital.



SERUAN KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT

Mana-mana individu yang pernah:

Barbai'ah

Menyokong

Mengamalkan

Hendaklah segera **bertaubat kepada Allah SWT** kerana fahaman ini bercanggah dengan aqidah Islam menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG



Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara yang melanggar fatwa yang diwartakan:

Boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.



Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.